

# Tidak perlu tambat ringgit

» Keadaan ekonomi kini berbeza berbanding krisis 1997/1998

Oleh Rohaniza Idris

roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur



Langkah kerajaan tidak melaksanakan kawalan modal dan menambat ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS), disifatkan oleh pakar kewangan dan ekonomi sebagai keputusan tepat.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Prof Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid (**gambar**), berkata keadaan sekarang berbeza berbanding ketika krisis ekonomi 1997/1998 kerana ekonomi negara lebih kukuh selepas sektor kewangan dan perbankan mengalami liberalisasi.

Malah, beliau yang dihubungi *BH* semalam, berkata banyak usaha sedang dilaksanakan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Ekonomi kini dalam kedudukan lebih mesra dan longgar,

begitu juga liberalisasi ekonomi pada peringkat ASEAN. Justeru tidak perlu kawalan modal atau menambat ringgit kerana jika berbuat demikian, bermakna kita ambil jalan 'mengundur'.

"Kita kena faham bahawa kejatuhan nilai mata wang adalah masalah global walaupun ringgit lebih terkesan," katanya ketika diminta mengulas penguaman mengenai perkara itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin.

Keputusan itu dibuat bagi mengekalkan integriti dan keterbukaan pasaran, malah ke-

rajaan juga menyokong kebebasan Bank Negara Malaysia (BNM) menguruskan dasar monetari negara dan melaksanakan tanggungjawab lain yang dimandatkan.

Zakariah juga melihat kebebasan yang diberikan kepada BNM sebagai usaha baik dan wajar bagi membolehkan bank pusat itu menjalankan tanggungjawab secara telus dan profesional.

## Tiada jaminan

Sementara itu, pakar ekonomi, Prof Dr Barjoyai Bardai, berkata tiada siapa boleh memberi jaminan ringgit akan pulih kerana turun naik mata wang ada kaitan dengan faktor luaran selain sentimen dan persepsi pasaran.

"Memang asas ekonomi kita kukuh, namun ia perlu diperkukuhkan lagi, di samping memulihkan keyakinan terhadap ringgit di pasaran. Membiarkan tukaran wang asing terapung menjamin Malaysia mengamalkan ekonomi bebas

dan telus, sekali gus memberi keyakinan kepada pelabur dan pedagang luar.

"Namun, Malaysia perlu ubah serta uruskan sentimen dan persepsi terhadap isu semasa untuk menarik pelabur dan pedagang dengan mengubah petunjuk fundamental ekonomi dan usaha lebih telus dalam mengurus ekonomi," katanya.

Beliau turut memuji kebebasan diberikan kepada BNM kerana ia mampu menyekat petunjuk tidak baik kepada ekonomi, sekali gus dapat mengajak institusi kewangan bersama kerajaan menguruskan ekonomi negara.

"Satu lagi inisiatif adalah menggalakkan penggunaan pasaran tempatan dan mengurangkan kebergantungan import. Langkah lain ialah meminta pekerja asing di negara ini menanggungkan pengantaran wang keluar yang mencecah kira-kira RM25 bilion setiap tahun dan merugikan negara," katanya.